

# Ramai suri rumah dijangkiti HIV

## Pesakit wanita meningkat 18 peratus dalam tempoh dua tahun

>>Oleh Hamidah Badiran  
hamidah@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap kes jangkitan HIV di kalangan wanita baru-baru ini menunjukkan peningkatan apabila kira-kira empat peratus yang direkodkan pada 2007 meningkat 18 peratus tahun lalu.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Aminah Abdul Rahman, berkata peningkatan itu membimbangkan kerana kebanyakan pesakit suri rumah.

Hingga tahun lalu katanya, 87,710 orang disahkan



**Ramai daripada penghidap HIV terbabit enggan mendapatkan rawatan akibat kurang pengetahuan mengenai cara rawatan disediakan”**

>Datuk Aminah Abdul Rahman  
Ketua Pengarah LPPKN



menghidap HIV dan wanita yang dijangkiti virus itu pula 8,091 orang.

Menurutnya, kebanyakan wanita yang dijangkiti mendapat virus berkenaan daripada pasangan mereka.

“Kes yang diterima mendapati mereka tak tahu diri mereka dijangkiti HIV dan

apabila sudah mengetahuinya, ramai daripada penghidap HIV terbabit enggan mendapatkan rawatan akibat kurang pengetahuan mengenai cara rawatan disediakan. “Di samping itu, kami tidak boleh mengandaikan kebanyakan penghidap HIV penagih dadah atau yang me-

ngamalkan seks bebas saja kerana kini semua orang mendapat jangkitannya jika tidak berhati-hati terutama wanita,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perbincangan Meja Bulat Epidemik HIV dan Aids di Malaysia 2010 di sini, semalam.